



قائت بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 32 BILANGAN 19

RABU 13 MEI, 1987.

رابعو 14 رمضان 1407

PERCUMA

MEMAJU DAN MELUASKAN EKONOMI NEGARA:

Kepakaran, teknologi baru Jerman diperlukan

OLEH HJ. MOHD. SALIM

BANDAR SERI BEGAWAN. — Negara Brunei Darussalam berharap untuk mendapatkan bantuan dan kerjasama yang lebih banyak dalam tenaga kepakaran perusahaan dan teknologi baru dari Republik Persekutuan Jerman dalam usaha untuk memajukan dan mengembangkan asas ekonomi negara ini.

DYTM Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri melahirkan harapan sedemikian di majlis santapan yang diberikan oleh TYT Herr Hans Dietrich Genscher, Menteri Luar Republik Persekutuan Jerman sempena lawatan Duli Yang Teramat Mulia ke negara tersebut baru-baru ini.

"Oleh yang demikian kami mengharapkan akan dapat bekerjasama dengan pihak tuan dan para pengusaha Jerman dalam menjalankan beberapa projek utama yang kami rancangkan," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Lihat muka 20



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima mengadap Menteri Hal Ehwal Luar dan Menteri bagi pembangunan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tuan S. Dhanabalan. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

Pastikan sayur-sayuran selamat untuk dimakan

BERAKAS. — Jabatan Pertanian Kementerian Pembangunan kini sedang membuat langkah dan kajian yang berterusan bagi memastikan sayur-sayuran tempatan selamat untuk dimakan.

Pengarah Pertanian, Dato Paduka Awang Danial bin

Haji Hanafiah menegaskan, terdapat sisa-sisa kimia pertanian yang berlebihan di dalam sayur-sayuran tempatan pada masa ini berikutan adanya usaha berterusan jabatan tersebut bagi mengesan pencemaran berkenaan.

Oleh yang demikian, Dato Paduka Awang Danial mengingatkan semua pekebun-pekebun sayur di negara ini supaya mematuhi segala peraturan yang disyorkan, terutama sekali supaya tidak merenjis sayur-sayuran

Lihat muka 20

PETIKAN TITAH

“Kita hendaklah berhati-hati terhadap kegiatan untuk menyebarkan ajaran-ajaran atau fahaman-fahaman yang bertentangan dengan ajaran-ajaran agama Islam. Jika keadaan ini tidak diawasi, maka ia boleh menimbulkan perpecahan di kalangan rakyat dan penduduk di negara ini pada amnya dan umat Islam khususnya.”

Dititahkan di Majlis Musabqah Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin pada 7 April, 1987.

Negara bersih rakyat sihat



13 MEI, 1987

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

MENERUSKAN HUBUNGAN DUA HALA BRUNEI DARUSSALAM DENGAN REPUBLIK PERSEKUTUAN JERMAN

KEMANTAPAN Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat penuh sebahagian besarnya akan bergantung kepada kemandirian kedudukannya bukan saja di ketika ini malah juga di masa-masa akan datang. Ke arah ini kerajaan telah mengambil inisiatif untuk meneroka segenap bidang termasuk mempelbagaikan sumber ekonomi negara. Antara langkah-langkah yang diambil termasuklah mendatangkan atau memindah kepakaran luar negeri terutama sekali dari negara-negara yang sudah membangun.

Baru-baru ini Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam telah berangkat ke Republik Persekutuan Jerman untuk meneroka bidang-bidang kerjasama yang lebih meluas lagi dengan negara membangun itu. Lawatan Duli Yang Teramat Mulia itu sudah setentunya akan membuka laluan-laluan yang akan memberikan faedah dua hala demi kepentingan rakyat kedua negara.

Antara perbincangan-perbincangan yang diadakan ialah cadangan untuk mengadakan kerjasama di bidang latihan vokasional, sains dan kejuruteraan. Persahabatan dan kerjasama erat antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Persekutuan Jerman yang wujud sejak kemerdekaan negara ini memang telah memberi faedah yang besar dalam perkembangan dan pembangunan negara ini. Lawatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih itu membuktikan kesungguhan serta minat berterusan negara ini untuk menjadi sebuah negara yang merdeka yang berdiri sama tinggi dengan mana-mana jua negara di dunia.

Kita tentunya akan menyambut baik usaha-usaha kerjasama yang dirancang ini kerana negara kita ketika ini sedang dalam arus untuk menggalakkan bidang perindustrian di negara ini dengan hasrat untuk mempelbagaikan sumber ekonomi negara dan tidak terlalu bergantung kepada sumber minyak dan gas semata-mata. Ke arah ini kita sudah setentunya akan memerlukan kemahiran di berbagai bidang terutama sekali di bidang teknologi. Untuk memenuhi kehendak ini kita perlu melihat ke negara-negara jiran sama ada dekat ataupun jauh bagi membolehkan kita mendatangkan atau memindah kepakaran-kepakaran sedemikian.

Kehadiran dan perlaksanaan yang mungkin akan diukayakan oleh tenaga-tenaga pakar dari luar negeri itu nanti akan sedikit sebanyak memberi pengajaran dan panduan kepada kita. Hal ini sewajarnya kita lihat sebagai suatu pelaburan yang bererti dan berpotensi dalam menajaya dan mempelbagaikan sumber ekonomi negara kita di masa hadapan.

Sesungguhnya kestabilan suasana ekonomi dan politik negara kita yang sentiasa mantap selama ini akan terus memberi keyakinan kepada kerajaan-kerajaan dan para pengusaha luar negeri amnya dan Republik Persekutuan Jerman khususnya untuk tidak ragu-ragu dalam mengunjungi dan membuat apa-apa jua pelaburan di negara kita ini sepertimana yang dirancang itu. Kita yakin dari kemandirian yang tidak diragukan itu, keuntungan dalam suasana yang dikehendaki oleh mana-mana bentuk pelaburan asing akan terus menjayakan usaha-usaha memaju dan mengembang-luaskan ekonomi negara kita di masa hadapan. Mudah-mudahan usaha meningkatkan kerjasama dan hubungan dua hala yang sedia ada antara kedua buah negara akan memberi makna yang positif untuk generasi kita yang akan datang.

Hubungan Brunei Darussalam Republik Persekutuan Jerman semakin meningkat

BAGI pihak perwakilan Brunei Darussalam saya ingin menyampaikan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada Tuan Yang Terutama dan isteri dan kepada kerajaan dan penduduk Republik Persekutuan Jerman atas sambutan yang begitu penuh mesra dengan ramah-tamah yang diberikan kepada kami sejak ketibaan rombongan kami ini. Saya merasa amat beruntung dan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas undangan dari pihak tuan kepada saya dan isteri saya untuk melawat negara ini. Bonn merupakan sebuah ibu negara yang cukup menarik dan indah bagi sebuah negara yang begitu sibuk dan kukuh — sebuah negara perusahaan yang raksasa. Saya amat terharu dengan sifat rakyat Jerman yang peramah.

Persahabatan dan kerjasama erat yang wujud di antara kedua buah negara bermula sebelum Brunei Darussalam mengambilalih kemerdekaan dan kedaulatannya sejak bulan Januari, 1984. Saya sukacita menyatakan bahawa perhubungan sedemikian adalah amat besar faedahnya kepada kami yang mana perhubungan ini semakin meningkat peringkat demi peringkat. Hubungan perdagangan dan ekonomi berkembang maju meskipun perdagangan secara langsung di antara Republik Persekutuan Jerman dan Brunei Darussalam adalah masih kecil dibandingkan dengan jumlah perdagangan Jerman dengan kebanyakan negara lain. Ekonomi kami bergantung kepada minyak dan gas.

Republik Persekutuan Jerman adalah sebuah negara perusahaan yang terkemuka dengan mempunyai perusahaan pengeluaran yang sihat, cergas dan kukuh. Kami mengimport sebahagian besar alat perkakas kejuruteraan dari negara tuan. Dalam meneruskan usaha kami untuk memajukan negara kami serta mengembangkannya asas ekonomi kami, kami akan memerlukan lebih banyak tenaga kepakaran perusahaan. Kami juga memerlukan teknologi baru. Dalam lapangan inilah kami berharap untuk mendapatkan bantuan dan kerjasama pihak tuan. Oleh yang demikian kami mengharap akan dapat berkerjasama dengan pihak tuan dan para pengusaha Jerman dalam menjalankan beberapa projek utama yang kami rancang. Peluangnya memang ada. Insentifnya juga sedia ada — dan pihak kerajaan pula memberi keutamaan kepada penubuhan perusahaan. Kami mempunyai ekonomi yang sihat serta kerajaan yang mantap — kedua-duanya ini amat penting dalam pelaburan yang menguntungkan. Kami yakin bahawa kerjasama seumpama itu akan



SABDA ucapan penuh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam ketika berangkat melawat Republik Persekutuan Jerman baru-baru ini.

mendatangkan faedah bukan sahaja kepada Brunei Darussalam tetapi juga kepada Republik Persekutuan Jerman. Kami juga amat terutang budi atas bantuan yang pihak tuan berikan di masa lalu. Kami mengharapkan bantuan seumpama itu diteruskan di masa akan datang.

Semasa lawatan Tuan Yang Terutama ke Brunei dalam tahun 1985 dan juga pagi tadi kami mengadakan pertukaran pendapat yang berfaedah mengenai isu antarabangsa. Saya amat menghargai tanggungjawab Republik Persekutuan Jerman dalam mencari keamanan dan kemandirian dunia. Kami turut sama memikul tanggungjawab itu. Keamanan dan kemandirian adalah amat penting bagi sebuah negara yang kecil seperti Brunei. Kami perlukan kepastian bahawa kami akan dapat terus wujud sebagai sebuah negara yang berdaulat lagi merdeka — supaya kami akan dapat memajukan negara kami demi kebaikan rakyat kami.

Perkembangan beberapa bulan yang lampau lebih-lebih lagi di rantau kami iaitu Asia Tenggara, meskipun tidak begitu mencemaskan tetapi kurang menyenangkan. Keadaan di Indo China terutama sekali di Kampuchea terus tidak berubah. Vietnam masih mengekalkan sebahagian besar pasukan tenteranya di Kampuchea.

Rakyat Kampuchea tidak dapat mempertahankan hak untuk menentukan nasib mereka sendiri dan para pelarian Kampuchea yang berjumlah beratus ribu orang itu masih lagi berkhemah di sepanjang sempadan Thai-Kampuchea. Kami di ASEAN terus menyeru Vietnam untuk mengeluarkan tenteranya dari Kampuchea, tetapi meskipun diadakan rundingan perdamaian baru-baru ini Vietnam tetap tidak berganjak. Kami mengharapkan dengan adanya perubahan pucuk pimpinan di Hanoi, Vietnam akan memilih jalan damai dan aman makmur, jalan yang membawa kepada kema-

juan dan perkembangan. Kami bukannya anti-Vietnam tetapi kami menentang sama sekali pendudukan tentera Vietnam di Kampuchea yang terang-terang melanggar piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Kami di ASEAN telah menyatakan berbilang kali bahawa ASEAN bukanlah sebahagian daripada persengketaan ini. Ini adalah masalah di antara Vietnam dan Kampuchea. Yang demikian adalah lojik agar Vietnam membincangkan masalah ini dengan para pemimpin Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea (CDCK) — sebuah kerajaan yang diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. ASEAN sudah tentunya bersedia untuk memberi bantuan dengan bertindak sebagai pengantara dan ke arah ini kami telah pun melantik negara Indonesia sebagai jurucakap bagi mengadakan dialog dengan Vietnam.

Tuan Yang Terutama, saya mengambil peluang ini untuk menyampaikan penghargaan

saya atas sokongan yang diberikan oleh Republik Persekutuan Jerman dan ASEAN dalam segenap usaha kami untuk mencari penyelesaian terhadap masalah ini. Kami berharap untuk mendapatkan bantuan terus dari pihak tuan dalam hadapan bagi menggalakkan penyelesaian terhadap masalah ini sedini mungkin. Tuan Yang Terutama.

Dalam memandikan tengah tahun 1987, kita mula menyaksikan perubahan dalam ekonomi dan kemerelesetan yang dihadapi adalah pada yang berlainan. Ada taranya yang mengancam dengan lebih baik daripada yang lain, tetapi ASEAN mengancam dengan amat teruk. Barang dagangan kami pada tahap yang rendah sekali, harga menurun pula di pasaran dan diikuti oleh beberapa negara perusahaan.

Lihat muka 1



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berjabat tangan dengan Tuan Yang Terutama Dr Helmut Kohl, Republik Persekutuan Jerman. — Gambar Ihsan KHELN.

PENDAHULUAN

KEBANYAKAN para sejarawan berpendapat di antara faktor-faktor yang membawa kepada penyebaran Islam di Asia Tenggara ialah perkahwinan, penaklukan, pendakwaan dan perdagangan. Ini tidak sukar dibuktikan seperti peranan yang pernah dimainkan oleh Kerajaan Islam Perlak, Pasai, Aceh dan Melaka. Sebab itulah negara-negara berkenaan di dalam zaman masing-masing pernah dianggap sebagai Pusat Penyebaran Islam.

Berdasarkan kepada faktor-faktor di atas ini, Brunei juga dapat dikatakan sebagai pusat penyebaran Islam dalam abad ke-16 Masihi. Walaupun sebenarnya Islam sudah diterima di Brunei seawal abad ke-13 dengan terdapatnya nisan seorang China Muslim bernama "P'u Kung Chin-Mu", bahkan mungkin seawal abad ke-10 dengan penghantaran satu utusan yang diketuai oleh P'u A-li (Abu Ali) dari Brunei ke negeri China. Tetapi ini disifatkan masih dalam peringkat terbatas. Ia hanya diterima secara meluas apabila Awang Alak Betatar memeluk Islam, Bagindalah Raja Brunei yang mula-mula memeluk Islam dengan memakai nama Islamnya Sultan Muhammad pada awal abad ke-15 Masihi.

ZAMAN SULTAN BOLKIAH

Pada masa ini Islam dihayati dan diamalkan dengan baik di Brunei. Bagaimanapun pengaruh Brunei hanya jelas dalam abad yang ke-16 apabila Sultan Bolkiah (Sultan Brunei yang ke-5) menjalankan dasar penaklukan yang sekaligus bermakna mengembangkan Islam di sekitar Pulau Borneo dan beberapa buah pulau dalam Filipina. Salasilah Raja-Raja Brunei menyebutkan:

Dan Sultan itulah beranak Sultan Bolkiah, ialah berperang dengan bangsa Suluk, dan ialah mengalahkan negeri Suluk dan negeri Seludang, nama rajanya Datu Gamban. Maka Sultan Bolkiah ialah juga dinamakan orang tua-tua "Nakhoda Ragam", ialah beristerikan akan Puteri Laila Menchanai.

(Lihat P.L. Amin Sweeney "Salasilah Raja-Raja Brunei", JMBRAS, Vol. 41, Pt. 2, (1968), hlm. 54).

Dalam usaha ini Sultan Bolkiah telah dapat menundukkan Suluk (Sulu) kemudian berkahwin dengan Laila Menchanai, puteri raja Suluk. Baginda juga berjaya menundukkan Seludang (Manila) dan berkahwin dengan puteri raja yang memerintah Seludang pada masa itu bernama Datu Gamban. Sejak itu setiap tahun Seludang telah menghantar ufti ke Brunei. (Lihat State of Brunei, Annual Report 1970, hlm.395).

REKOD ANTHONY PIGAFETTA

Kebersaran dan kegagahan Brunei dalam zaman Sultan Bolkiah ini diakui juga oleh Anthony Pigafetta semasa rombongan kapal Magellan yang disertainya singgah di Brunei pada tahun 1521 Masihi. (Lihat Nicholas Tarling, Britain, the Brookes and Brunei, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971, hlm.7).

RENCANA pengetahuan yang bertajuk 'Brunei Pertahankan Akidah Islam - Satu Tinjauan Sejarah' ini mempunyai empat siri dan ianya ditulis oleh Pengiran Haji Muhammad bin Pengiran Haji Abd. Rahman.



Brunei sebagai pusat penyebaran Islam pada abad ke-16 Masihi

BRUNEI PERTAHANKAN AKIDAH ISLAM SATU TINJAUAN SEJARAH (SIRI PERTAMA)

Sekiranya pun Sultan Brunei yang dijumpai oleh Anthony Pigafetta yang dipanggilnya "Seripada" itu bukan Sultan Bolkiah, tetapi tidak syak lagi kebesaran itu adalah sebahagian besar hasil usaha yang ditinggalkan oleh Sultan Bolkiah yang hidup sebelumnya.

Anthony Pigafetta dan rombongannya telah diberikan layanan yang istimewa semasa berada di Brunei. Malangnya dua minggu kemudiannya satu prapangka buruk pihak Sepanyol terhadap pasukan penggempur Brunei telah menyebabkan terjadi satu tragedi. Sultan Brunei telah memerintahkan pasukan penggempurnya diketuai oleh anak Raja Luzon pergi ke sebuah negeri yang berada di bawah takluk Brunei yang cuba mengalihkan taat setia mereka kepada Jawa dan membelakangkan Brunei. Rombongan Magellan yang disertai oleh Pigafetta itu tersalah sangka dan menganggap pasukan Brunei dengan ratusan perahunya yang baru pulang dari menjalankan tugas mereka itu sebagai musuh yang hendak menyerang kapal Sepanyol itu lalu terjadilah pertempuran darah. Setelah tertangkap, ketua mereka dikenali sebagai anak Raja Luzon. Kata Pigafetta:

In one of the junks which we captured was the son of the king of the island of Luzon. He was the Captain-General of the king of Brunei and came with those junks from a large city named Laoe, which located at the end of the island (i.e. Borneo) toward Java Major. He had destroyed and sacked that city because it refuse to obey the king (of Brunei), but the king of Java Major instead. (Lihat D.E. Brown, "Antonio Pigafetta's Account of Brunei in 1521", The Brunei Museum Journal, Vol. 3, No. 2, 1974, hlm.173).

Robert Nicholl dan Brown menganggarkan bahawa "Laoe" yang disebut dalam keterangan ini ialah sebuah bandar yang terletak di kuala

APA yang sebenarnya berlaku melalui usaha-usaha dakwah Islam dari Brunei, Islam telah mara ke Filipina. Cuma kemaraan Islam ini tersekat setelah Sepanyol datang dengan niat untuk menghapuskan Islam sebaliknya menggantikan Islam yang sudah bertapak itu dengan agama Kristian.

HUBUNGAN antara Brunei dan Luzon lebih merupakan hubungan kerabat dari merupakan antara negeri yang menakluk dan ditakluk, kerana itu Sultan Brunei memberikan kepercayaan kepada anak Raja Luzon untuk mengetuai angkatan perangnya. Tanpa hubungan yang sedemikian, tidak mungkin jawatan yang penting itu akan diserahkan kepada orang lain yang sudah tentu akan membahayakan strategi negara.

Sungai Kepuas, atau terletak di selatan negeri Sarawak sekarang. (Lihat Robert Nicholl, European Sources for the History of the Sultanate of Brunei in the 16th Century, Penerbitan Khas, Bil. 5, Museum Brunei, 1975, hlm. 13 juga D.E. Brown, Brunei: The Structure and History of A Borneo Malay Sultanate, Brunei Museum, 1970, hlm.142).

BRUNEI DAN LUZON

Dari rekod seumpama ini dapat dilihat hubungan yang rapat antara Brunei dan Luzon lebih merupakan hubungan kerabat dari merupakan antara negeri yang menakluk dan ditakluk, kerana itu Sultan Brunei memberikan kepercayaan kepada anak Raja Luzon untuk mengetuai angkatan perangnya. Tanpa hubungan yang sedemikian, tidak mungkin jawatan yang penting itu akan diserahkan kepada orang lain yang sudah tentu akan membahayakan strategi negara.

Sebenarnya pengaruh Brunei kuat di Luzon ialah melalui ikatan perkahwinan. Sultan Brunei yang menurut Pigafetta bernama "Seripada" itu adalah datuk kepada anak Raja Luzon tersebut. Kedatangannya ke Brunei dikatakan untuk berkahwin dengan sepupunya. Tidak diketahui adakah perintah Sultan Brunei kepadanya untuk menggempur bandar Laoe itu berlaku sebelum atau sesudah perkahwinan tersebut. Pada masa ketibaan.

Sepanyol ke Manila dalam tahun 1570 beliau dikenali sebagai Raja Matanda. (Lihat C.A. Majul, Muslim in the Philippines, Second Edition. Quezon city: The University of the Philippines Press, 1973, hlm.73).

IKATAN PERKAHWINAN

Raja Sulaiman yang masyhur namanya memerintah Manila itu adalah anak saudara Raja Matanda, juga dikatakan berkahwin dengan puteri Sultan Brunei. Bahkan dalam masa pendudukan Sepanyol di Manila pun proses perkahwinan ini terus berlaku umpamanya perkahwinan antara Augustin de Legazpi anak saudara Lakandula dengan puteri Pengiran Seri Lela yang berkerabat dengan Sultan Saiful Rijal. Berdasarkan namanya sahaja sudah membayangkan Augustin de Legazpi adalah seorang Kristian. Sudah tentu perkahwinan ini mendatangkan kemurkaan kepada Sultan Brunei kerana nyata sekali bertentangan dengan ajaran Islam yang menjadi pegangan teguh orang-orang Brunei.

Jelas bahawa sebelum kedatangan Sepanyol, Islam telah lama masuk ke Luzon melalui proses perdagangan tentunya dan proses perkahwinan dengan orang-orang Brunei yang mungkin dapat dikatakan seawal nyata sekali bertentangan dengan fakta ini pendapat yang mengatakan bahawa agama orang-orang Filipina bermula dengan kedatangan pengembang-pengembang Catholic, tidaklah tepat. Apa yang sebenarnya berlaku melalui usaha-usaha dakwah Islam dari Brunei, Islam telah mara ke Filipina. Cuma kemaraan Islam ini tersekat setelah Sepanyol datang dengan niat untuk menghapuskan Islam sebaliknya menggantikan Islam yang sudah bertapak itu dengan agama Kristian.

Bagaimanapun usaha Sepanyol itu hanya berjaya di setengah-setengah kawasan

sahaja, sedang pada tempat tempat atau pulau-pulau yang di luar kawasan pemerintahan Filipina tetap diresapi oleh Islam.

KEBIMBANGAN SEPANYOL

Betapa hebatnya sambutan penduduk Luzon terhadap Islam dapat dilihat dari kebimbangan Antonio de Morga seorang Sepanyol yang tinggal di Filipina di antara tahun 1595 - 1603 bahawa andainya kedatangan Sepanyol terlewat sedikit, besar kemungkinan Sepanyol akan menghadapi kerumitan untuk melaksanakan cita-cita bagi menguasai seterusnya mengkristiankan Filipina, kerana inilah yang menjadi salah satu matlamat utamanya. Keterangan-keterangan di bawah ini menjelaskan:

These Borneans are Mohametans, and were already introducing their religions among the natives of Luzon, and were giving them instructions, ceremonies, and the form of observing their religion, by means of certain gazizes (kathis), whom they brought with them.

....Had the Spaniards coming been delayed longer, that religion would have spread throughout the island and even through the others, and it would have been difficult to extirpate it. The mercy of God checked it in time, for because of being in the early stages, it was uprooted from the island, and they were freed from it, that is in all that the Spaniards have pacified and that are under the Government of the Filipinas.

....That religion has spread and extended very widely in the other islands outside the government, so that now almost all their natives are Mohometan Moros and are ruled and instructed by their gazizes and other Morabitos, these often came to preach and to teach them by way of the Strait of Malacca and the Red Sea, through which they navigate to reach these islands). (Lihat Robert Nicholl, European Sources...., hlm.32-35).

Perkataan "Ghazizes" yang digunakan oleh Antonio de Morga dalam keterangan di atas berasal dari bahasa Arab iaitu (Ghaza, Yaghzu, Ghazzwan, al-Ghazi) yang membawa maksud sebagai pejuang yang berperang untuk mempertahankan Islam dari sebarang pencerobohan musuh-musuh Islam atau mungkin diambil dari perkataan "Qadi" yang membawa maksud orang yang mempunyai pengetahuan Islam yang tinggi untuk mentadbir dan berakwah. Sementara "Morabitos" pula ialah satu dinasti Islam yang memerintah Maghribi, Algeria dan Sepanyol di abad ke sebelas dan dua belas Masihi. Dalam bahasa Arab mereka disebut "al-Morabitun." (Lihat Jamil M. Abu Nasr, A History of the Maghrib, London: Cambridge University Press, 1975, hlm.92-103). Jadi orang-orang seperti inilah menurut de Morga yang membantu menegakkan Islam di Brunei masa itu. Jelasnya semua pengertian tersebut sesuai dengan konteks kebangkitan Islam di Brunei.

(Bersambung)

MARILAH kita bertakwa ke hadrat Allah dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Di dalam kita mengerjakan ibadat puasa, maka supaya puasa kita benar, diterima oleh Allah Subhanahu Wataala, kita bukanlah sahaja dikehendaki menahan diri daripada makan atau minum, akan tetapi perlulah juga kita memelihara mengenai beberapa perkara yang merupakan sebagai adab berpuasa, kerana ada hadis Nabi menyatakan yang kira-kira maksudnya:

'Berapa banyak orang berpuasa akan tetapi dia tidak mendapat apa-apa daripada puasa, melainkan lapar dan dahaga, itu akibat tidak menjaga segala adab berpuasa.'

Di dalam kitab 'Nasihat-Nasihat Uagama Islam' karangan As-Syeikh Abdullah Baqlawi Alhadda, telah diterangkan beberapa adab puasa itu, antara lain yang terpenting ialah :

i) Memelihara lisan atau lidah dari bercakap dusta, mengumpat atau bercakap yang sia-sia yang tidak mustahak, walaupun tidak dinamakan dusta atau mengumpat. Di dalam bulan ini orang-orang Islam digalakkan banyak berzikir atau membaca Al-Quran supaya lebih sempurna dan banyak pahala yang diperolehi oleh orang-orang yang berpuasa itu. Demikian juga disuruh supaya memelihara kedua mata dan telinga dari melihat dan mendengar perkara-perkara yang dilarang, yang dianggap tidak layak dilakukan oleh orang-orang Islam, terutama oleh orang-orang yang sedang berpuasa.

ii) Memelihara perut dari makan dan minum sesuatu yang diharamkan oleh uagama, atau yang ada syubhat yakni tidak jelas haram dan halalanya. Hal ini kita lakukan setiap masa, khususnya di saat-saat berbuka puasa (waktu iftar) hendaklah kita berakira. Sungguh-sungguh jangan ada barang-barang yang terlarang oleh syarak menempati rongga dan perut kita. Sama ada barang-barang itu diharamkan kerana zatnya memang haram seperti bangkai, arak dan lain-lain. Ataupun dari caranya diperolehi menyalahi kebenaran uagama seperti oleh penipuan, mencuri, rasuah dan lain-lain adalah sama haramnya di sisi Allah.

iii) Memelihara seluruh tubuh anggota badan dari segala macam perkara yang boleh mendatangkan dosa. Hal ini biasanya tidaklah mesti datang daripada kita sendiri, tetapi boleh juga daripada



orang lain yang cuba-cuba hendak melibatkan kita dalam perkara-perkara yang tidak diingini itu, kerana itulah, khusus bagi orang-orang yang berpuasa, ada hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam mengajar bagaimana hendak menghadapi orang-orang yang seperti ini jika ada, sabda Baginda ertinya:

'Puasa itu ialah benteng, yakni penghalang di antara dirinya dengan perkara-perkara maksiat. Maka sekiranya pada hari seseorang kamu berpuasa, janganlah bercakap kotor, jangan berlaku jahat, dan jangan tiada mengerti peraturan-peraturannya. Andainya ada orang memaki orang yang berpuasa itu, atau mengajaknya berbunuh-bunuhan hendaklah ia berkata: Sesungguhnya saya sedang berpuasa.'

iv) Akhir sekali elok juga disebut di sini, supaya orang-orang yang berpuasa itu hendaklah menjauhkan diri daripada boros atau membazir. Uagama Islam sangat-sangat melarang pemeluk-pemeluknya daripada sifat tabzir ini. Pembaziran bukanlah amalan yang sihat, ia bukan sahaja sia-sia bahkan merugikan kerana itulah Allah sangat benci kepada orang-orang

BERPUASA BUKAN SETAKAT MENAHAN DIRI DARIPADA MAKAN ATAU MINUM

EMPAT PERKARA PERLU KITA JAGA



DUTA Besar Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam Tuan Yang Terutama Tuan Ferdy Salim telah mengadakan kunjungan muhibah kepada YB Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Dr. Haji Md. Zain bin Haji Serudin, Menteri Hal Ehwal Uagama, pada hari Rabu, 22 April, 1987.

Hadir dalam perjumpaan itu ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Uagama, Dato Paduka Ustaz Haji Abd. Saman bin Kahar. — Gambar ihsan Kementerian Hal Ehwal Uagama.

yang membazir sebagai mana firman-Nya yang bermaksud:

'Sesungguhnya orang-orang yang membazir itu adalah sahabat-sahabat syaitan.'

Kita berpuasa bukanlah untuk berabis dengan menyediakan hidangan-hidangan yang istimewa yang di luar kelaziman hari-hari. Asal apa teringin, kita beli, walaupun dengan membelanja dua tiga kali ganda lebih besar dari biasa, dan apabila sampai masa berbuka, yang kita makan hanyalah sedikit, suku atau separuh, yang lebihnya dibuang begitu sahaja. Kelakuan atau perbuatan begini hendaklah dijauhi, kerana ianya bukan akan mendapatkan pahala dan berkat, tetapi membawa dosa dan laknat Allah.

Marilah wahai kaum Muslimin, kita ambil ingatan hal ini, supaya kita sama-sama beroleh faedah daripadanya, sebagai langkah berhati-hati. Kita hendaklah sentiasa ingat dan insaf bahawa kita sedang menjalani ibadat berpuasa, maka dengan itu, semua yang kita lakukan adalah untuk menjaga dan memelihara semata-mata kesahihan dan kesempurnaan ibadat itu, supaya ianya diterima oleh Allah Taala.

DALAM surah Al-Maa'idah sebahagian ayat 3, Allah Subhanahu Wataala telah berfirman yang kira-kira bermaksud: 'Diharamkan bagimu (memakan) bangkai (binatang yang tidak disembelih), dan darah (yang keluar mengalir), dan daging babi (termasuk semuannya), dan binatang-binatang yang disembelih kerana yang lain dari Allah, dan yang mati tercekik, dan yang mati dipukul, dan yang mati jatuh dari tempat yang tinggi, dan yang mati ditanduk, dan yang mati dimakan binatang buas, kecuali yang sempat kamu sembelih (sebelum habis nyawanya)....'

Ternyata bahawa kita adalah ditegah dari makanan bangkai, darah, daging babi dan binatang yang bukan disembelih secara Islam. Tapi adakah kita menyedari bahawa telah ada usaha untuk 'memancing' kita supaya ter-makan benda-benda tersebut? Mungkin ada yang menyedari dan mungkin jua tidak. Ini tertakluk kepada penelitian kita.

Sebenarnya telah banyak teredar barang-barang makanan yang mengandungi benda-benda tersebut, sama ada ia dari barang-barang yang kecil-kecil seperti gula-gula dan chewing gum yang digemari oleh kanak-kanak, mahupun dari benda-benda yang besar seperti roti dan lain-lain lagi. Barang-barang ini ada yang secara terang-terangan menyebutkan yang antara bahan-bahan membuatnya ialah daging-daging babi, lemak-lemak babi ataupun minyak babi. Dan adakalanya pula digunakan dengan perkataan-

Hindarkan diri dari makan barang haram

perkataan lain seperti 'LARD' ataupun dengan cuma menggunakan secara umum lemak binatang (ANIMAL FAT).

Kalaulah secara terang-terangan yang bahan-bahan untuk membuat makanan-makanan itu daripada benda-benda yang diharamkan, maka sudah tentu kita dilarang memakannya, sebagaimana yang disebutkan tadi. Dan jika ia cuma menyebutkan secara umum seperti 'animal fat', kita masih juga meragui tentang halalanya, kerana perkataan 'animal' itu masih umum, sama ada ia binatang yang halal dimakan atau sebaliknya. Andaikata 'animal' itu binatang yang halal dimakan, tetapi kita masih juga meragukannya kerana kita tidak tahu siapa yang menyembelihnya. Kalau ia disembelih bukan secara Islam tentunya ia kita kategorikan sebagai bangkai. Dan bangkai itu haram dimakan sebagaimana maksud firman Allah yang disebutkan tadi.

Jadinya kita hendaklah berhati-hati dalam membeli barang-barang makanan itu agar jangan sampai kita ter-makan benda-benda yang haram ataupun syubhat. Kalau kita merasa ragu tentang kehalalan barang-barang itu maka kita tinggalkan ia dan jangan sekali-kali memakannya.

Selain daripada itu, janganlah kita membeli barang-barang makanan

Menuju Keredaan Allah

dengan selarah-larahnya mengikut kehendak nafsu tanpa memikirkan akibat yang akan diterima. Kita sebagai orang yang tahu patut memberitahu kepada orang yang belum tahu. Orang-orang di rumah misalannya; tentunya mereka menganggap apa-apa yang kita beli itu semuanya halal dan tidak meragukan, apatah lagi mereka itu orang yang buta huruf. Ataupun kita membelikan anak-anak atau adik-adik kita gula-gula dan chewing gum yang mengandungi benda-benda haram, tentulah bukan salah mereka kerana mereka belum tahu apa-apa lagi. Ertinya, dalam soal ini janganlah kita cuma mementingkan soal-soal pembelian dari satu sudut saja ataupun asal ada saja. Pertama-tamannya yang patut kita lihat dan perhatikan sebelum membeli itu ialah dari apa bahan-bahan campuran barang-barang itu dibuat. Dengan yang demikian mudah-mudahan kita akan terhindar dari termakan barang-barang yang haram dan syubhat.

PADA hari ini umat Islam di negara ini sudah 14 hari mengerjakan ibadat puasa iaitu rukun yang ketiga. Keriangan jelas terbayang di setiap wajah umat Islam di negara ini walaupun hanya menjelang setahun sekali.

Kerana puasa itu sendiri salah satu sendi Islam yang mesti kita kerjakan setahun sekali dengan penuh kesungguhan dan kejujuran hati semata-mata kerana Allah Subhanahu Wataala jua. Akan sia-sialah segala amal kita kalau tidak kita kerjakan dengan penuh kejujuran dan keikhlasan hati. Kerana kejujuran hati merupakan syarat kepada satu-satu ibadat.

Suasana meriah

Walaupun bulan Ramadan hanya datang setahun sekali namun kemeriahan sudah dirasa sebelum menjelang bulan Ramadan. Kita lihat sahaja di bandar-bandar di seluruh negara akan menjadi tumpuan umat Islam yang masing-masing membanjiri kedai-kedai, pasar-pasar dan tempat membeli-belah. Apa lagi tatkala menjelang hari berbahagia itu perjalanan dari Jalan Muara, Jalan Gadong, menuju kawasan Bandar Seri Begawan merupakan kawasan yang paling sibuk terutama lalu lintas di kalangan umat Islam dan para peniaga tempatan yang menjual kuih-muih juadah berbuka puasa di samping persediaan menjelang Hari Raya Aidilfitri.

Syukurlah, Kerajaan Kebawah DYMM melalui Jabatan Bandaran menempatkan gerai jualan kuih-muih sepanjang bulan berkat ini didirikan secara berasingan. Antara kawasan itu ialah di tapak kawasan letak kereta berhadapan dengan Pasar Gadong, dan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah di Berakas. Tujuannya adalah untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di samping memberikan peluang peniaga-peniaga tempatan negara ini berniaga di bulan mulia ini untuk menambatkan rezeki dan pendapatan mereka.

Menurut penjelasan Pegawai Melesen Jabatan Bandaran, kira-kira 200 gerai menjual makanan disediakan oleh Jabatan itu di kawasan letak kereta di Pasar Gadong di sepanjang bulan puasa yang bermula 30 April lalu dan lebih 50 buah gerai di didirikan di kawasan Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Menurut penjelasannya lagi, inilah pertama kali kawasan letak kereta di Pasar Gadong dijadikan kawasan berjaja yang dahulunya diadakan di Jalan Pretty berdekatan dengan Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin.

Seperti di gerai lama, di kawasan letak kereta tempat berjaja masa ini, Jabatan Bandaran memudahkan dengan mendirikan khemah-

PENIAGA-PENIAGA TEMPATAN TAMBAHKAN PENDAPATAN DI BULAN RAMADAN

khemah bagi peniaga-peniaga untuk mengelakkan panas terik matahari. Hanya dapur masak dan air disediakan oleh para penjaja atau peniaga.

Pengiran Haji Apong bin Pengiran Rauf 64 tahun dari Kampung Burong Pingai berasa sukacita kerana air minuman seperti cendul dan pusa antara yang paling awal laris dijual. "Saya juga menjual lebih 10 jenis makanan tempatan seperti pulut panggang, bingka susu, agar-agar dan putu mayang." Menyentuh tentang pendapatnya, Pengiran Haji Apong berkata, hasil dari jualannya dalam sehari pendapatan yang diperolehinya hingga mencapai ke \$500 dan \$600. "Sambutan orang ramai juga amat menggalakan mujurlah ada dua orang pembantu saya untuk melayani para pelanggan," katanya.

Sambutan yang menggalakkan

"Orang ramai terutama kakitangan kerajaan adalah di antara pengunjung ke gerai ini yang paling ramai," kata Ak. Embran Pengiran Tuah. Ini kerana mereka terutama suri rumahtangga tidak mempunyai masa untuk menyediakan juadah berbuka puasa.

Mereka yang pulang dari bertugas, dan orang ramai akan singgah ke gerai-gerai tersebut dan membeli apa yang terlintas di hati mereka. Berbagailah ragam untuk membelinya. Ada yang menghabiskan wang sehingga berpuluh-puluh ringgit untuk membeli kuih-muih serta air buah-buahan.

"Menyediakan dan membeli makanan berlebihan atas keinginan yang meluap-luap kononnya hendak dimakan waktu berbuka," ujar Awangku Embran yang setiap kali berkunjung ke gerai di Gadong dan di



PENGIRAN Haji Apong, salah seorang penjaja di Gerai Gadong sedang melayan pelanggan-pelanggan puasa.

Rencana dan gambar oleh Dk. Fatimah PHM.

Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Menurutnya lagi, apa yang menarik perhatian saya ialah kegembiraan di wajah umat Islam, mereka bukan hanya setakat membeli tetapi menimbulkan kemesraan antara satu sama lain, apabila yang dikenali akan bertegur-sapa malah ada yang bertahun-tahun tidak berjumpa. Inilah salah satu kelebihan bulan puasa.

Bercakap mengenai harga kuih-muih dan lain-lain Awangku Embran setuju dengan harga yang ditawarkan berpatutan berbanding dengan belanja sendiri.

Apa yang penting katanya, kita patut berjimat cermat menggunakan belanja demi mengelakkan dari pembaziran tegasnya.

Menunaikan ibadat

Dalam masa menunaikan ibadat puasa, umat Islam di negara ini kini melakukan ibadat-ibadat lain seperti Sembahyang Tarawih dan bertedurus. Seperti biasa majlis-majlis itu diadakan di masjid-masjid dan surau-surau. Hanya pada bulan mulia ini saja sembahyang Tarawih disunatkan kepada umat Islam dan jika ini diamalkan selain dari dapat pahala ia adalah satu pergerakan yang sungguh baik selepas berbuka. Di samping itu, sembahyang Tarawih secara berjemaah akan mengeratkan tali silaturahmi sesama Islam.

Kesimpulan

Puasa adalah rukun Islam ketiga mempunyai hikmah-hikmah tersendiri yang boleh dikecap bagi mereka yang melakukan sebarang bentuk kebaikan. Tetapi jika diamati

secara mendalam adalah satu latihan jiwa yang dapat berkesan kepada orang yang menunaikan ibadat puasa. Ia tamak dengan taat menaati perintah Allah dan menyedekahkan kepada sesama manusia.

Kemudahan yang disediakan oleh Jabatan Bandaran terutama para pengunjung akan sangat membantu kepada umat Islam yang ingin menunaikan puasa.

Apa yang penting mengelakkan pembaziran dan memudahkan umat Islam di negara ini untuk meraih rahmat Allah yang dilak-



KELIHATAN seorang peniaga sedang menghasilkan air tebu menggunakan mesin moden.

Panduan Teleks April, 1987

BUKU Panduan Teleks bagi Negara Brunei Darussalam keluaran April, 1987 sekarang boleh didapati di Pejabat-Perkhidmatan Telekom seperti berikut:

a). Pejabat Telekom, Bahagian Perdagangan, (Bangunan Pejabat Perkhidmatan Pos), Bandar Seri Begawan.

b). Pejabat Telekom, Kuala Belait.



KEMENTERIAN Pelajaran baru-baru ini menganjurkan kursus bagi tukang-tukang masak di sekolah-sekolah, maktab-maktab, institusi, universiti dan asrama di seluruh negara. Gambar atas kanan memperlihatkan ketika kursus diadakan di Sekolah Rendah Pusu Ulak dan gambar atas kiri di Sekolah Rendah Pusu Malim. Berita lanjut disiarkan di muka 20. — Gambar-gambar oleh Pg. Bahar PHO dan Harun Rashid.



Menteri Kesihatan adakan lawatan ke M'sia dan S'pura

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Haji Johar bin Dato Paduka Haji Noordin, Menteri Kesihatan dan rombongan telah mengadakan lawatan rasmi ke Singapura

dan Malaysia selama 9 hari mulai dari 18 April, 1987.

Dalam lawatan tersebut, Yang Berhormat dan rombongan telah mendengar beberapa taklimat dan

mengadakan perbincangan dengan kedua-dua Menteri dan Pegawai-Pegawai Kanan di Kementerian kedua-dua buah negara, mengenai dengan struktur pentadbiran dan perkhidmatan Ke-

menterian Kesihatan di sana. Perkara lain yang dibincangkan adalah mengenai dengan masalah penyakit AIDS, kemungkinan mendapatkan tempat latihan bagi jururawat-jururawat dan lain-lain jawatan dalam perkhidmatan perubatan dan kesihatan dan juga mengenai dengan penghantaran pesakit-pesakit dari negara ini.

Beberapa Institusi Perubatan dan Kesihatan juga telah dilawati oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan rombongan yang termasuk Rumah-Rumah Sakit Besar dan Universiti Kebangsaan serta Sekolah Latihan Kejururawatan di kedua-dua buah negara, Sekolah Latihan Pergigian di Pulau Pinang, Malaysia, Institut Kesihatan Pergigian dan Poliklinik Bukit Merah di Singapura, Makmal Kawalan Kimia Ubat dan Makmal Ubat dan Stor di Petaling Jaya, Malaysia.



YANG Berhormat Dato Paduka Dr. Haji Johar, Menteri Kesihatan menerima cenderamata daripada Yang Berhormat Dato Chan Siang Sun, Menteri Kesihatan Malaysia ketika Yang Berhormat mengadakan lawatan ke Malaysia. — Gambar ihsan Kementerian Kesihatan.



YANG Berhormat Dato Paduka Dr. Haji Johar, Menteri Kesihatan melihat salah seorang pesakit kanak-kanak dari negara kita yang menerima rawatan di Rumah Sakit Universiti Kebangsaan Singapura. — Gambar ihsan Kementerian Kesihatan.

Adakan lawatan ke UK

BANDAR SERI BEGAWAN. — Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib, mengetuai satu rombongan pegawai-pegawai Kanan Kementerian untuk satu lawatan sambil belajar ke beberapa buah sekolah terkemuka di United Kingdom mulai 10 Mei lalu.

Matlamat lawatan itu ialah untuk meninjau dan mempelajari aspek-aspek yang boleh dijadikan teladan dan bermanfaat dalam memperbaiki lagi kedudukan di berbagai bidang persekolahan di negara ini.

Rombongan itu meninjau secara dekat terhadap sekolah-sekolah di United Kingdom yang mempunyai rekod yang baik dalam hal ehwal pencapaian pelajaran, pengajaran dan pembelajaran. Segala ciri-ciri pencapaian itu akan diperhatikan dan diharap akan dapat menolong meningkatkan lagi performance maktab-maktab dan sekolah-sekolah di negara ini.

Dalam rombongan itu termasuklah Pengarah Sekolah-Sekolah, Pengarah Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan, Penolong Pengarah Bahagian Menengah dan lapan orang pengetua Maktab-Maktab dan Sekolah-Sekolah Menengah.



Harga barang-barang keperluan

SEPERTI biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang boleh didapati dijual dengan harga yang lebih rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang-barang yang berikut di bawah ini bermula pada 6 Mei, 1987.

BANDAR SERI BEGAWAN

- 1) Kacang Hijau 1 kilogram \$1.50/1 kati 90 sen.
 - a) Chop Hen Long No. 31 Jalan Sultan.
- 2) Kacang Merah 1 kilogram \$1.50/1 kati 90 sen.
 - a) Kedai Kim Seng Choon No. 6, Jalan McArthur.
- 3) Tepung Beras (Flyingman) sebungkus 60 sen.
 - a) Kedai Eng Leong, No. 8, Jalan McArthur.
 - b) Kedai Liong Chuan Jalan McArthur.
- 4) Ubi Kentang 1 kilogram \$1.50/1 kati 90 sen.
 - a) Chop Hen Long No. 31 Jalan Sultan.

SERIA

- 1) Kacang Hijau 1 kilogram \$1.65/1 kati \$1.00.
 - a) Kedai Chin Siong Hing No. 3 Jalan Sultan Omarali.
 - b) Kedai Yick Fatt Lot 2660, Jalan Sultan Omarali.
- 2) Kacang Merah 1 kilogram \$2.00/1 kati \$1.20.
 - a) Kedai Sim Fatt Hui No. 74, Jalan Bunga Kenanga.

- 3) Tepung Beras (Flyingman) sebungkus 60 sen.
 - a) Kedai Chin Siong Hing No. 3, Jalan Sultan Omarali.
- 4) Ubi Kentang 1 kilogram \$1.65/1 kati \$1.00.
 - a) Chop Koh Seng Heng No. 17, Jalan Sultan Omarali.

KUALA BELAIT

- 1) Kacang Hijau 1 kilogram \$1.65/1 kati \$1.00.
 - a) Syarikat M. Haji Chinese Chamber of Commerce.
 - b) Kedai Guan Heng, No. 30, Jalan Sungai.
- 2) Kacang Merah 1 kilogram \$2.00/1 kati \$1.20.
 - a) Kedai Teo Hiang Hng No. 45 Jalan Pretty.
 - b) Kedai Yick Guan No. 3, Jalan Pretty.
- 3) Tepung Beras (Flyingman) sebungkus 60 sen.
 - a) Kedai Eng Soon Seng No. 58, Jalan Pretty.
- 4) Ubi Kentang 1 kilogram \$1.65/1 kati \$1.00.
 - a) Kedai Yick Guan No. 3, Jalan Pretty.

Pemilihan calon Penghulu Mukim Sungai Liang

KUALA BELAIT. — Satu pemilihan calon bagi Penghulu Mukim Sungai Liang akan diadakan di Balai Raya di sini pada hari Jumaat 15 Mei bermula jam 9.30.

Untuk tujuan itu Jabatan Daerah Belait telah meminta penduduk-penduduk yang tinggal di kawasan Mukim Sungai Liang yang meliputi Kampong Sungai Tali hingga ke Kampong Tunggalan yang berumur 21 tahun ke atas supaya hadir pada hari tersebut.

Jabatan tersebut juga mengumumkan bahawa borang pendaftaran sebagai calon boleh diperolehi daripada Pejabat Daerah Belait pada bila-bila masa waktu pejabat dibuka.

Tujuh lesen perahu menangkap ikan dikeluarkan

TUTONG. — Jabatan Laut Kementerian Perhubungan telah mengeluarkan sebanyak tujuh lesen perahu menangkap ikan bagi tuan-tuan punya perahu di daerah ini pada hari khamis 7 Mei lepas.

Menurut seorang pegawai dari Jabatan Laut sebelum itu pada 23 April lepas sejumlah 17 lesen telah dikeluarkan.

Para pegawai jabatan berkenaan berada di Jabatan Laut Daerah Tutong selama setengah hari bagi mengeluarkan dan memperbaharui lesen tuan-tuan punya perahu di daerah tersebut.



PADA awal minggu ini cuaca dijangka lembab dan beransur-ansur bertukar kering menjelang hujung minggu kemudian.

Ramalan cuaca ini adalah bagi tempoh 13 hingga 20 Mei, 1987.

JADUAL AIR PASANG DAN SURUT

Tarikh	Air Pasang Penuh (jam)	Paras Air (meter)	Air Surut Penuh (jam)	Paras Air (meter)
13/5	1100	2.3	0403	1.4
			1825	0.7
14/5	0122	1.5	0411	1.4
	1126	2.4	1911	0.5
15/5	0249	1.5	0403	1.5
	1157	2.5	1959	0.5
16/5	1231	2.6	2050	0.4
17/5	1308	2.6	2143	0.4
18/5	1348	2.5	2238	0.4
19/5	1433	2.4	2335	0.5

Jadual ini adalah bagi Pelabuhan Muara. Bagi Bandar Seri Begawan waktu-waktu air pasang seperti yang tertara di atas hendaklah dicampur 45 minit dan bagi air surut dicampur 30 minit. Sementara bagi Daerah Tutong waktu air pasang hendaklah ditolak 45 minit dan air surut ditolak 30 minit. Manakala bagi Daerah Belait waktu air pasang hendaklah ditolak 60 minit dan air surut ditolak 30 minit.

WALLAHUAKLAM.



AWANG Haji Zainin bin Awang Tengah, Penolong Pendaftar Kapal ketika menerangkan sesuatu kepada salah seorang tuan punya perahu mengenai lesen perahu menangkap ikan. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.

Para murid di negara ini diseru: RAJIN BERUSAHA PADA MEMBANTU IBU BAPA

JALAN MUARA. — Murid-murid di negara ini diseru agar rajin berusaha membantu ibu bapa, menghormati guru-guru dan orang yang lebih tua dari mereka di samping menanamkan rasa kasih sayang terhadap keluarga, rakan-rakan dan jiran.

Yang Mulia Dato Paduka Haji Abidin bin Orang Kaya Periwara Abdul Rashid, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ketika menyerukan hal itu seterusnya mengingatkan mereka jangan bersifat seperti Si Tanggung dan berlagak seperti Si Pugut.

"Saya berdoa semoga kamu akan menjadi anak-anak yang salih dan menjadi golongan insan yang berguna kepada agama, bangsa dan negara. Rajin-rajinlah berusaha ke arah perkara berkebajikan sambil membantu ibu bapa kamu. Hormati guru-guru dan orang-orang yang lebih tua dan tanamkan semangat kasih sayang terhadap keluarga, rakan dan jiran,"

kata Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri itu ketika merasmikan Perkampungan Ramadan Murid-Murid Al-Quran Persatuan IQRA kali pertama pada petang Sabtu, 2 Mei lepas di sini.

Yang Mulia Dato Paduka Haji Abidin seterusnya berharap rakyat dan penduduk negara ini akan sama-sama berganding bahu melakukan kerja-kerja berkebajikan khususnya dalam usaha memakmurkan negara di samping sama-sama mencegah perkara-perkara anti sosial seperti merosakkan harta benda awam, mencemarkan alam sekitar, melanggar peraturan lalu-lintas, menyalahgunakan dadah dan perkara yang melanggar tata susila kehidupan orang-orang Brunei.

Yang Dipertua IQRA, Awang Haji Mashud bin Haji Awang Damit dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan,

perkampungan selama lima hari itu telah disertai oleh 40 orang murid-murid Al-Quran Sekolah Membaca Al-Quran persatuan berkenaan.

Menurutnya, perkampungan itu bertujuan mengumpulkan kanak-kanak bahagian Al-Quran (Lelaki) di satu perkampungan bersama rakan mereka dalam suasana kemesraan di samping memupuk kerjasama dan tolong-menolong dan menanamkan sifat berdikari di kalangan mereka.

"Dalam perkampungan murid-murid terdiri dari yang berumur antara 12 hingga 15 tahun itu, mereka akan diberi latihan hidup berdikari sambil melakukan ibadah dan kerja-kerja kebajikan beramai-ramai seperti bersahur, sembahyang berjemaah, kuliah subuh, mendengar syarahan, melakukan lawatan, sungkai bersama dan pelbagai lagi kegiatan berkebajikan," jelas beliau.

Oleh Abd. Karim HAB



YANG Mulia Dato Paduka Awang Haji Abidin bin Orang Kaya Periwara Abdul Rashid, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berucap merasmikan Perkampungan Ramadan Murid-Murid Al-Quran Sekolah Al-Quran IQRA. — Gambar oleh Pengiran Bahar PHO.

Bermesra dengan sistem metrik

PANDUAN MENUKAR KE SISTEM METRIK

Berdasarkan kepada

1 kaki persegi = 0.093 meter persegi (m²)

1 kaki persegi = 10.764 kaki persegi

kaki persegi	m ²
1	0.09
2	0.18
3	0.28
4	0.37
5	0.46
6	0.56
7	0.65
8	0.74
9	0.84
10	0.93
20	1.86
30	2.79
40	3.72
50	4.64
100	9.29
m ²	kaki persegi
1	10.76
2	21.53
3	32.29
4	43.06
5	53.82
6	64.58
7	75.35
8	86.11
9	96.87
10	107.64
20	215.28
30	322.92
40	430.56
50	538.20
1000	1076.40

Jika awda memerlukan sebarang maklumat mengenai Sistem Metrik bolehlah menghubungi Pejabat Sukatan dan Timbangan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri atau telefon 44660.

Perjumpaan Skim Mencegah Kebakaran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai 13 dari 43 orang ketua-ketua kursus Skim Mencegah Kebakaran Bahagian Kampong Ayer telah menghadiri perjumpaan dengan Pegawai Pemerintah Cawangan Operasi D di Balai Bomba Laut, Sungai Lampai pada petang Khamis lepas.

Di perjumpaan itu mereka telah membincangkan pelbagai masalah yang timbul mengenai para anggota skim seperti mereka yang berpindah dari kampung asal ke tempat lain atau sedang berkursus ke luar negeri.

Di samping itu kedua belah pihak juga membincangkan

cadangan untuk mengadakan perlawanan baris kecekapan bagi ahli-ahli skim. Walau bagaimanapun tarikh diadakan masih belum diputuskan.

Di majlis yang singkat itu, Pegawai Pemerintah Cawangan Operasi 'D', Balai Bomba Sungai Lampai, Awang Hussin bin Haji Salleh telah menyampaikan sebahagian dari 1139 helai baju T untuk ahli-ahli skim.

Ianya juga dihadiri oleh

Oleh Abd. Karim HAB

Pegawai Perhubungan Pasukan Bomba dan lain pegawai kanan pasukan berkenaan.

PELITA BRUNEL difahamkan kursus Mencegah Kebakaran penduduk Kampong Ayer telah dibentuk dalam tahun 1981, yang sehingga mempunyai 1,139 anggota.



YANG Dipertua Persatuan TIBA Awang Haji Yaakub bin Haji Ahmad, ketika berucap di mesyuarat tahunan persatuan itu. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.

TIBA adakan mesyuarat tahunan

JALAN MUARA. — Persatuan Tiga Kampung (TIBA) yang mengandungi Kampung-Kampung Salam-bigar/Sungai Hanching, Tanah Jambu dan Sungai Tilong telah mengadakan mesyuarat tahunan mereka Jumaat lepas.

Mesyuarat tersebut membincangkan laporan-laporan tahunan persatuan, dan juga membincangkan kunci kira-kira persatuan termasuk kunci kira-kira bas persatuan, di samping melantik jawatan-kuala tadbir yang baru tahun ini.

Sebelum mesyuarat bermula, Yang Dipertua Persatuan Tiba, Awang Haji

Yaakub bin Haji Ahmad telah menerangkan mengenai pelbagai usaha yang akan dijalankan dan sedang dijalankan termasuk meneruskan pelbagai rancangan

jangka panjang.

Di bidang kebajikan persatuan itu telah menyertai kegiatan-kegiatan kebajikan

seperti turut sama dalam sambutan Hari Kebangsaan, Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia serta kegiatan-kegiatan kempen kebersihan.

Sambungan dari muka 2

dapat menolong membaiki ekonomi kami. Kami yang menganggotai ASEAN menyampaikan semua masalah ini kepada rakan-rakan kami di Eropah semasa perundingan kami di Jakarta. Saya percaya permintaan kami tidaklah melebihi batasan dan keperluannya begitu sekali. Kami perlukan tindakan yang positif bukan hanya dengan meluahkan

simpati. ASEAN memandang penting terhadap hubungan dengan masyarakat Eropah. Kita sudah pun menikmati hubungan yang cukup baik dan kami harap sebagai sahabat kita akan dapat saling bantu-membantu di antara satu sama lain.

Tuan Yang Terutama,

Saya harap lawatan ini merupakan titik permulaan

bagi pertukaran lawatan seterusnya di antara kedua buah negara ini yang saya percaya akan dapat mem-bawa ke arah pengukuhan hubungan dua hala ini. Dalam zaman ini negara yang jauh jaraknya dapat ditemukan dengan lebih mudah. Mudah-mudahan persahabatan dan kerjasama di antara kedua buah negara kita ini akan terus berkekalan.



PEGAWAI Pemerintah Operasi 'D', Awang Hussin bin Haji Salleh menyampaikan baju-baju T kepada Awang Tengah bin Haji Tassim, Ketua Skim Mencegah Kebakaran Kampong Saba Laut. — Gambar oleh Pengiran Abu Bakar PHO.

**MASUKILAH KERJAYA TENTERA
ANGKATAN BERSENJATA
DIRAJA BRUNEI
KEMENTERIAN PERTAHANAN
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM**



**PENGAMBILAN WANITA
YANG KE-13 BERAKHIR
PADA 22 JULAI 1987
MENDAFTARLAH
DARI SEKARANG**



Mendaftarlah kepada
Pejabat Pengambilan
Angkatan Bersenjata Diraja Brunei
Perkemahan Bolkihah
Negara Brunei Darussalam

Nama :
No. Kad Pengenalan : Warna :
Tarikh Lahir : Umur :
Alamat Sekarang :
.....
Kelulusan Sekolah :
Nama Ayah / Penjaga :
No. Kad Pengenalan : Warna :
Tarikh Lahir : Tempat Lahir :
Alamat Sekarang :
.....
No. Telefon Rumah/Pejabat :
Tandatangan : Tarikh :

**NEGARA AMAN MAKMUR RAKYAT HIDUP BAHAGIA
KEAMANAN DAN KEMAKMURAN NEGARA TERLETAK
DI TANGAN AWDA**

SYARAT-SYARAT YANG DIKEHENDAKI

1. Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Dayang-Dayang mestilah lulus sekurang-kurangnya Tingkatan Tiga Melayu atau yang sebanding dengannya.
3. Berumur 17½ tahun hingga 25 tahun dan masih bujang.
4. Berat badan tidak kurang dari 44.10 kg, tinggi tidak kurang dari 1.45 meter dan berbadan sihat.
5. Dayang-Dayang mestilah lulus pemeriksaan perubatan dan ujian pelajaran yang diadakan oleh ABDB.
6. Dayang-Dayang hendaklah berasal dari salah satu puak seperti berikut : Brunei, Tutong, Belait, Kedayan, Dusun, Murut dan Bisaya.



ROYAL BRUNEI KERJAYA YANG PALING MENCABAR DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



Jadilah seorang pelatih Juruterbang Diraja Brunei

Ikutilah jejak langkah mereka.

Sekarang terdapat empat orang anak tempatan 'First Officer' yang bertauliah penuh yang sedang menerbangkan pesawat B737 dan

B757 kita

Mereka telah menuntut di salah satu tempat penerbangan yang paling baik di United Kingdom dan membawa pesawat penerbangan di New Zealand. Mereka telah menjalani latihan yang pesat supaya mereka boleh menerbangkan pesawat-pesawat dengan penuh yakin.

Satu kerjaya yang penuh mencabar dan bertanggungjawab.



Keperluan dan kelayakan pemohon:

1. Calon-calon mestilah rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Peraturan Negara Brunei Darussalam dan mempunyai rekod kesihatan dan penglihatan yang baik.
2. Berumur lebih 17 tahun.
3. Mempunyai kelulusan 5 kepujian dalam peperiksaan peringkat kat biasa termasuk mata pelajaran Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Ilmu Hisab dan satu mata pelajaran Ilmu Sains. Mempunyai kelulusan dalam peringkat tertinggi adalah kelebihan.

Dengan kerjasama Kementerian Pelajaran, Penerbangan Diraja Brunei menawarkan dermasiswa kepada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Peraturan Negara Brunei Darussalam bagi membolehkan pemuda-pemuda untuk menjalani kursus pelatih juruterbang.

Mereka yang berminat dalam kerjaya ini adalah diminta menulis dan memberi keterangan masing-masing kepada Pegawai Kakitangan, Syarikat Penerbangan Diraja Brunei, Peti Surat 100, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat 31 Mei, 1987.

rtb Intisari minggu ini



SUDUT REMAJA

APAKAH bekerja sebagai Pramugara itu menyenangkan atau sebaliknya? Mungkin para remaja sekalian ingin mengetahui ceritanya. Untuk itu jangan lupa mengikuti temu-

bual Penerbit Hasnan Suhaili dengan salah seorang Pramugara Penerbangan Diraja Brunei iaitu Awg. Zainur bin Pehin Dato Mohd. Don.

Rancangan ini akan ke udara pada hari Isnin 18 Mei jam 4.00 petang dan akan diulang lagi siarannya pada hari Rabu 20 Mei jam 8.30 malam.

Radio Minggu Ini:

30 TAHUN USIA RADIO BRUNEI

RADIO Brunei yang memulakan penyiarannya pada 2 Mei, 1957, sehingga sekarang telah menjangkau usia 30 tahun. Meninjau kembali saat-saat mula penubuhan Radio Brunei di peringkat awalnya, ia hanya mampu memberikan 'perkhidmatan pemandunya' menerusi sebuah alat pemancar kecil bertenaga 1.2 Kw sahaja. Peralatan studio dan kakitangannya ketika itu juga agak terhad. Kawasan yang mampu menerima siarannya hanyalah di sekitar ibu kota Bandar Brunei (sekarang Bandar Seri Begawan) sahaja.

Sejarah penyiaran Radio Brunei sebenarnya bermula pada tahun 1956, setelah Majlis Masyuarat Negeri Brunei meluluskan satu rancangan untuk menubuhkan 'Perkhidmatan Kecil Siaran Radio'. Matlamat penubuhan siaran radio ini ialah untuk mengeratkan perhubungan di antara "Kerajaan dengan rakyat", menerusi maklumat-maklumat dan sebagainya, yang disiarkan oleh perkhidmatan radio itu nanti.

Sejak mula memberikan perkhidmatannya pada ta-

hun 1957 itu Radio Brunei terus dipertingkatkan kemajuannya setahun demi setahun. Pada tahun 1958, Radio Brunei mula memberikan perkhidmatannya ke beberapa buah daerah di negara ini, apabila alat pemancar gelombang sederhana bertenaga 20 Kw dipasang di Pekan Tutong. Pada tahun 1958 itu juga Radio Brunei telah menempah sejarah awalnya dalam menyiarkan 'rancangan terus-menerus yang pertama dengan menggunakan alat siaran luarnya. Majlis bersejarah tersebut ialah pembukaan rasmi Masjid Omar Ali Saifuddin Bandar Brunei.

Kemudiannya pada tahun 1959, sebuah studio kecil daerah telah dibina di Kuala Belait dengan menggunakan alat pemancar bertenaga rendah 660 Watt. Seterusnya, studio kecil Kuala Belait tersebut terus berfungsi kepada pendengar-pendengar radio di sekitar Pekan Seria dan Kuala Belait khasnya, sehinggalah ke hari ini.

Radio Brunei juga kemudiannya mengalami perubahan demi perubahan, berlandaskan kehendak negara dan kemajuan teknologi media siaran yang begitu mencabar. Sesuai dengan kematangan usianya hari ini, Radio Brunei juga dianggap sebagai salah sebuah agensi Kerajaan yang penting, yang bertanggungjawab memberi maklumat dan perkembangan berbagai-bagai bidang kemajuan di negara ini.

Malahan di peringkat serantau dan antarabangsa juga Radio Brunei terus menerus mengenalkan Negara Brunei Darussalam, menerusi siaran-siaran yang dipancarkannya dan juga menerusi beberapa kegiatan bertukar-tukar rancangan penerbitan dan sebagainya.

Sesungguhnya Radio Brunei bukanlah hanya sebagai media berkomunikasi di antara "Kerajaan dengan Rakyat" sahaja, malah, Radio Brunei dapat memberikan 'imej' yang berharga terhadap identiti masyarakat dan Negara Brunei Darussalam pada pendengarnya di mana-mana sahaja, dari masa ke semasa.

Sandiwara Radio:

"IJAZAH"

MINGGU ini Sandiwara Radio berjudul Ijazah, tulisan Yusoff Hassan.

Sandiwara ini mengisahkan tentang seorang anak muda yang berazam untuk memperbaiki nasibnya dengan cara berdikari walaupun ia telah menerima kecukupan dari ibunya sendiri.

Sebagai seorang anak yang kurang memiliki kecerdasan otak seperti adiknya beradiknya yang lain, Azman sering dicaci oleh ibunya sebagai seorang anak yang lembab kerana kegagalanannya dalam pelajaran.

Kerana tidak sanggup menghadapi semua itu,

Azman melarikan diri dari rumah dan bernasib baik kerana diterima bekerja di sebuah syarikat kemajuan perumahan itu. Ia bekerja dengan gigih walaupun sekali sekala kata-kata ibunya mengganggu ketenteramannya.

Ketekunan Azman menarik perhatian Maria, anak tuannya syarikat kemajuan perumahan itu. Lama kelamaan Maria mengetahui masalah Azman dan menggalakkannya belajar sambil bekerja.

Azman akhirnya memutuskan untuk meneruskan pelajarannya yang telah terbengkalai selama ini. Jauh di sudut hatinya, ia

ingin membuktikan yang ia juga mampu untuk memperolehi kejayaan dengan berusaha bersungguh-sungguh. Dalam pada itu pula Maria sudah mula tertarik terhadap Azman.

Berjayakah Azman memburu cita-citanya? Bagai-

mana pula hubungannya dengan Maria? Semua ini akan dapat diikuti jawabannya melalui siarannya nanti pada 17 Mei, 1987 jam 11.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Salmah Haji Abdul Rahman.

Mari Memasak:

Kek Peach Kastard Berlapis

BAHAN-BAHANNYA:

- 4 biji telur
- $\frac{1}{2}$ cawan metrik gula kastor
- 1 cawan metrik tepung naik sendiri (self-raising)
- 1 sudu makan minyak jagung
- 1 sudu makan air limau kuning (orange)
- 1 sudu makan sirup peach
- 2 sudu makan sirup peach
- 1 tin hirisan buah peach

KASTARDNYA:

- 2 cawan susu
- $\frac{1}{2}$ cawan gula
- 50 gm mentega
- $\frac{1}{2}$ cawan tepung jagung
- $\frac{1}{2}$ cawan tepung kastard
- $\frac{1}{2}$ cawan susu
- 100 gm buah peach di-

- hancurkan
- 1 biji telur dipukul
- 1 sudu kecil esen vanilla
- 1 sudu makan sirup peach
- 2 sudu makan jus oren

CARA-CARA

MEMBUATNYA:—

1. Pukul telur bersama gula hingga kembang. Masukkan tepung yang telah diayak dan gaul rata. Kemudian masukkan minyak jagung, jus oren dan sirup peach yang telah dicampurkan. Tuangkan adonan ini ke dalam 2 tin pembakar yang telah dialas dengan kertas dan disapu dengan mentega. Bakar selama 10-15 minit dengan api yang sederhana hingga kekuning-kuningan.

2. Untuk kastardnya, masukkan susu, gula dan mentega ke dalam periuk dan dididihkan. Kemudian masukkan tepung jagung dan tepung kastard yang telah digaul rata dengan susu. Kacau hingga pekat. Padamkan api. Masukkan telur yang telah dipukul, esen vanilla, sirup peach, jus oren dan buah peach, yang telah dihancurkan.

3. Tuangkan 2 sudu sirup peach ke atas lapisan bawah kek. Sapukan kastard yang telah siap dibuat. Kemudian taruhkan lapisan atas kek dan sapukan lagi dengan kastard. Susunkan buah peach ke atas kek mengikut cara kesukaan puan-puan.

4. Hiaskan dengan buah cheri. Enak dimakan apabila sejuk.

RENCANA TEMPATAN

PERKHIDMATAN Pencen-Pencen Negara bermula sejak awal tahun 1955 sebagaimana yang dihasratkan oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien yang ketika itu sebagai Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Penubuhan Jabatan Pencen-Pencen Negara khusus untuk menjamin kepentingan orang-orang

tua dan orang-orang kurang bernasib baik iaitu pengurniaan pencen dan elaun, termasuk pembayaran kepada tanggungan-tanggungan orang buta, orang yang terencat akal (tidak siuman) dan penghidap penyakit hansen.

Rancangan dokumentari tempatan Jabatan Pencen-Pencen Negara akan dapat disaksikan tayangannya pada hari Selasa 19 Mei 1987 jam 9.00 malam.

PENCAPAIAN ATLET NEGARA BELUM MEMUASKAN

Beberapa langkah perbaiki masa perlu diambil

Capaian ini mutu pencapaian atlet-atlet negara masih belum mencapai tahap yang memuaskan. Berdasarkan kepada rekod pencapaian di Kejohanan Olahraga Kebangsaan baru-baru ini, beberapa langkah patut diambil terutama menekankan para atlet-atlet mengenai teknik-teknik yang paling berkesan dalam membuat masa terbaik bagi satu-satu acara.

Jika ditinjau kedudukan rekod-rekod di kejohanan tersebut, purata para atlet mencatatkan rekod yang buruk. Begitupun, para atletnya dapat memperkasa rekod kebangsaan. Ho Kui Hui dalam acara 100 meter terbuka perempuan dengan masa 12 minit 54.5 saat. Rekod kebangsaan sebelum ini ialah 16 minit 54 saat yang dibuat oleh Nurul Huda binti Kamis dalam tahun 1984.

Kemudian Kifli Jaafar memperbaiki rekodnya dalam acara 400 meter lompat pagar dengan masa 56.2 saat. Rekod tahun lalu itu ialah 1.05 saat. Manakala dalam acara 4 X 400 meter lari berganti-ganti lelaki Daerah Brunei dan Muara memperbaiki rekod kebangsaan tahun ini dengan masa 3 minit 34.5 saat. Rekod lama bagi acara ini ialah 4 minit 31.7 saat yang dibuat oleh Pasukan Kebangsaan.

Pencapaian tiga daripada acara yang dipertandingkan itu belum begitu membanggakan, memandangkan persaingan yang semakin mencabar kini sedang berlaku. Atlet-atlet negara masih memperoleh tahap yang baik bagi menandingi peserta-peserta luar dan ini menunjukkan pendedahan demi pendedahan terhadap mereka akan dilakukan segera.

Susunan yang dibuat oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Hussien yang menekankan supaya Persatuan-persatuan Sukan mengadakan kegiatan sukan yang berprestasi dan berprestasi baru-baru ini perlu diambil perhatian oleh badan-badan sukan yang lain.

Cara itu paling berkesan untuk dijadikan 'titik tolak' untuk mencapai matlamat yang ditetapkan. Melalui cara ini diharapkan bakat baru yang berprestasi pasti akan muncul dan selanjutnya perlu diasuh dengan masa ke semasa.

Samping itu penyertaan atlet dengan mengikut generasi-generasi yang menceburi lapangan sukan perlu diambil berat di samping itu jika perlu akan diadakan sebagai pasukan.



Kelolaan Jaafar Haji Ibrahim dan Ahat Ismail

BELIA & SUKAN



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali mengahungkan pingat kemenangan kepada peserta di Kejohanan Olahraga Kebangsaan lepas. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.



Ini mempunyai potensi yang baik dan memerlukan pendedahan. Oleh itu perhatian patut diberikan bagi bakat-bakat mereka itu. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

Perjumpaan persediaan ke Sukan SEA

NEGARA kita akan menyertai Sukan SEA ke-14 di Jakarta, Indonesia pada bulan September depan.

Berhubung dengan perkara itu satu perjumpaan mengenai dengan persediaan negara ke sukan tersebut telah diadakan di Dewan Serbaguna, Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan pada 29 April lepas.

Perjumpaan itu dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Hussien dan Timbalannya Dato Paduka Awang Haji Mohd Ali.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ketika berucap antara lain menegaskan negara kita di kejohanan itu nanti akan menghantar kira-kira 180 orang peserta termasuk pegawai dan jurulatih.

Sementara Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali yang telah dipilih untuk menjadi Chief de Mission ke kejohanan itu juga berucap di majlis tersebut.

Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali berkata bahawa penyertaan sukan dan olahraga adalah salah satu cara untuk memperkenalkan bangsa dan negara di mana kejayaan di dalam penyertaan seseorang dalam sukan bererti adalah kejayaan bangsa dan negara dan seterusnya keagungan negara di mata luar.

"Kerana seorang peserta dalam sukan atau olahraga itu adalah sebagai wakil atau mewakili bangsa dan seterusnya negara," ujar beliau.

Gambar atas kelihatan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ketika memberikan ucapan di majlis tersebut. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

Kegiatan sukan di sana sini

Kejohanan bola sepak anjuran BDAFA

JAWATANKUASA Tertinggi sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kali ke-41 bagi Daerah Belait akan menganjurkan kejohanan bola sepak.

Kejohanan itu akan dikendalikan oleh Persatuan Bola Sepak Amatir Daerah Belait (BDAFA) dan dibahagikan kepada lima kumpulan iaitu, Kumpulan I bagi Pejabat-pejabat Kerajaan Daerah Belait, Kumpulan II bagi Kelab-kelab, Persatuan-persatuan Belia dan Badan-badan Sukan yang lain, Kumpulan III bagi pemain-pemain yang berumur 16 tahun ke bawah, Kumpulan IV bagi pemain-pemain yang berumur 13 tahun ke bawah dan Kumpulan V bagi pasukan-pasukan Pegawai Daerah Belait dan Pengarah Urusan Shell Brunei.

Borang-borang penyertaan serta keterangan lanjut boleh didapati dari Awang Haji Abang Morshidi, di Unit Latihan Jasmani bahagian Sekolah-sekolah Daerah Belait atau Awang Zaini Osman di Lembaga Bandaran Belait. Penyertaan ditutup pada 28 Mei ini.

Terbuka kepada persatuan belia di seluruh negara

PERSATUAN PERKASA akan menganjurkan Kejohanan Bola Sepak terbuka kepada persatuan-persatuan belia di seluruh negara yang bergabung dengan Majlis Belia Brunei (MBB).

Kejohanan ini diadakan sempena Menyambut Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-41 tahun pada tahun ini.

Kepada persatuan-persatuan belia di negara ini yang ingin menyertai kejohanan tersebut, bolehlah mendapatkan borang dan keterangan lanjut yang boleh didapati daripada yang berikut: Awang Yahya bin Haji Zainal, Lembaga Matawang, Kementerian Kewangan, Brunei; Awang Shahminan bin Haji Sulaiman, Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Brunei; Awang Haji Suhaili bin Haji Ahmad, Pejabat Pos, Temburong; Awang Roslan bin Haji Karim, Pejabat Buruh, Kuala Belait dan Cikgu Yunus bin Haji Besar, Sekolah Menengah Muda Hashim, Tutong.

Semua borang penyertaan yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan tidak lewat pada 6 Jun, 1987.

Mencari keamanan dan kemantapan dunia BRUNEI DARUSSALAM TURUT PIKUL T - JAWAB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei Darussalam turut memikul tanggungjawab dalam mencari keamanan dan kemantapan dunia, kerana hal berkenaan adalah amat penting bagi sebuah negara kecil seperti negara ini.

"Kami perlukan kepastian bahawa kami akan dapat terus wujud sebagai sebuah negara yang berdaulat lagi merdeka supaya kami akan dapat memajukan negara kami demi kebaikan rakyat kami," sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Penubuhan perusahaan diberi keutamaan

Dari muka 1

Menurut Duli Yang Teramat Mulia, negara ini mempunyai ekonomi yang sihat serta kerajaan yang mantap di mana kedua-duanya ini begitu penting dalam mewujudkan pelaburan yang menguntungkan.

Kerajaan, sabda Duli Yang Teramat Mulia memang memberi keutamaan penubuhan perusahaan di mana peluang dan intensifnya juga sedia ada.

"Kami yakin bahawa kerjasama seumpama itu akan mendatangkan faedah bukan sahaja kepada Brunei Darussalam tetapi juga kepada Republik Persekutuan Jerman," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Duli Yang Teramat Mulia juga menjelaskan Brunei Darussalam terutang budi atas bantuan yang telah diberikan oleh negara berkenaan di masa lalu dan ber-

harap ianya akan diteruskan pada masa akan datang.

DYTM Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih bersabda, hubungan perdagangan secara langsung antara kedua buah negara telah berkembang maju sekalipun jumlahnya masih kecil berbanding dengan jumlah perdagangan negara berkenaan dengan lain-lain negara.

Menyentuh ekonomi dunia, Duli Yang Teramat Mulia bersabda, kesan kemelesatan yang dihadapi oleh negara-negara ASEAN adalah pada kadar yang berlainan dan mengalaminya dengan amat teruk di mana harga barangan turun pada tahap yang rendah dan harga minyak turun di luar jangkaan, dan kebanyakan negara perusahaan tidak berjaya menolong memperbaikinya.

Bersabda di majlis sambutan yang diberikan oleh Tuan Yang Terutama Herr Hans Dietrich Genscher, Menteri Luar Republik Persekutuan Jerman di Bonn baru-baru ini, Duli Yang Teramat Mulia menyatakan penghargaan atas tanggungjawab negara berkenaan dalam menyelesaikan masalah tersebut.

Duli Yang Teramat Mulia juga menjelaskan, rantau Asia Tenggara meskipun tidak mencemaskan tetapi ianya kurang menyenangkan berikutan kedegilan Vietnam yang masih mengekalkan sebahagian besar tenteranya di Kampuchea.

Bagaimanapun menurut Duli Yang Teramat Mulia dengan adanya perubahan pucuk pimpinan di Hanoi, adalah diharapkan Vietnam akan memilih jalan damai demi kemajuan dan perkembangan.

"Kami di ASEAN terus menyeru Vietnam untuk mengeluarkan tenteranya dari Kampuchea, tetapi meskipun diadakan rundingan damai baru-baru ini Vietnam tetap tidak berganjak," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Duli Yang Teramat Mulia bersabda ASEAN bukannya anti-Vietnam tetapi menentang pendudukan tentera Vietnam di Kampuchea yang terang-terang melanggar Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Menurut Duli Yang Teramat Mulia lagi, ASEAN bukanlah sebahagian dari persengketaan tersebut dan yang penting Vietnam perlulah menyelesaikan masalah berkenaan dengan para pemimpin Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea (CGDK) yang diktrif oleh PBB.

ASEAN sabda Duli Yang Teramat Mulia, cuma dapat bertindak sebagai pengantara dan ke arah itu Indonesia telah pun dilantik sebagai jurucakap bagi mengadakan dialog dengan Vietnam.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berbual mesra dengan Tuan Yang Terutama Tuan S. Dhanabalan, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri bagi pembangunan Republik Singapura di Lapangan Terbang Antarabangsa Serangoon. Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

Dari muka 1

Sejurus selepas itu, Tuan Yang Terutama, Tuan S. Dhanabalan mengadakan 'Kunjungan Muhibbah' kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam bertempat di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri di Jalan Subok.

Dari muka 1



DATO Paduka Awang Danial, Pengarah Pertanian.

mereka beberapa minggu sebelum pengutipan dan supaya jangan menggunakan racun-racun pertanian yang berlebihan.

"Jika sekiranya didapati pekebun-pekebun yang enggan mematuhi akan arahan ini, maka tindakan yang sewajarnya akan diambil terhadap mereka," tegasnya lagi.

Pengarah Pertanian itu berkata, berhubung dengan perkara ini, jabatannya akan sentiasa mengambil contoh-contoh sayur-sayuran daripada pekebun-pekebun di seluruh negara ini untuk memastikan bahawa mereka mematuhi arahan dan peraturan-peraturan penggunaan kimia pertanian.

Sementara itu, orang ramai juga dinasihatkan supaya menyuci dan membersihkan sayur-sayuran dengan sempurna sebelum memasak atau memakannya.

"Hanya dengan cara ini sahajalah kita dapat memastikan bahawa sayur-sayuran yang dijual di negara ini adalah selamat untuk dimakan," katanya.

Tukang masak diseru

PASTIKAN TEMPAT KERJA DALAM KEADAAN BERSIH

Oleh Ahat Hj. Ismail

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tukang-tukang masak di sekolah, maktab, institusi, universiti dan asrama diseru supaya sentiasa berkeadaan bersih terutama pada diri sendiri dan juga memastikan tempat-tempat bekerja bersih.

Seseorang tukang masak yang tidak mengambil berat terhadap kebersihan, akan mengakibatkan keracunan makanan disebabkan jangkitan kuman yang terdapat di tempat-tempat yang kotor, atau kekotoran yang terdapat pada diri si penyedia makanan yang kemudiannya mengakibatkan makanan atau minuman mengandungi kuman yang membawa penyakit.

Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan-perkhidmatan, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-perkhidmatan, Kementerian Pelajaran, Pengiran Haji Mohd. Zain, berucap demikian sebelum merasmikan kursus bagi tukang-tukang masak di Sekolah Rendah Pintu Malim Sabtu lepas.

Kursus yang sama juga diselenggarakan di Sekolah Menengah Muda Hashim Tutong dan di Sekolah Rendah Pusu Ulak. Lebih dari 700 orang tukang-tukang masak di seluruh negara menghadiri kursus tersebut di tempat-tempat berkenaan dengan penceramah-penceramah terdiri daripada pegawai dari Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Kesihatan.

Pengiran Haji Mohd. Zain selanjutnya menjelaskan masalah kebersihan dan kesihatan tukang-tukang masak akan dapat dicegah sekiranya para tukang masak

mempunyai kesedaran dan amalan yang baik terhadap kebersihan dan kesihatan.

"Awang-awang dan Dayang-dayang harus mempunyai tanggungjawab untuk menjaga taraf kebersihan di tempat bekerja, tempat tinggal, alam sekeliling dan aspek lagi," jelasnya.

Beliau juga menjelaskan bahawa tukang-tukang perlu mendapat pengetahuan yang berhubung dengan kesihatan bagi memelihara kesedaran betapa pentingnya kesihatan itu kepada jajaan, di samping membetulkan mereka soal kebersihan semasa bekerja dan selepas bertugas.

"Tanpa kebersihan berbagai-bagai masalah timbul seperti masalah kekotoran di alam sekeliling, masalah kesihatan, masalah mental dan masalah murid-murid sebagainya," katanya.

Ekoran daripada itu, tegasnya, tidak dapat disalahkan jika seorang atau penuntut tidak memamah makanan yang disediakan oleh tukang masak yang peng-

Gambar-gambar mengenai kursus tersebut disiarkan muka 6.

Jangan ketinggalan menggunakan metrik

Jadual Berbuka Puasa dan Imsak Sepanjang Bulan Ramadan 1407 H/1987 M

WAKTU-waktu berbuka puasa, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara dan Tutong mulai dari hari Rabu 13 Mei hingga ke hari Selasa 19 Mei, 1987 adalah seperti di bawah ini :-

Tarikh	Waktu Berbuka	Waktu Imsak	Waktu Matahari Terbit
13.5.1987	6.27 petang	4.40 pagi	6.07 pagi
14.5.1987	6.27 petang	4.39 pagi	6.07 pagi
15.5.1987	6.27 petang	4.39 pagi	6.07 pagi
16.5.1987	6.27 petang	4.39 pagi	6.07 pagi
17.5.1987	6.27 petang	4.39 pagi	6.06 pagi
18.5.1987	6.28 petang	4.39 pagi	6.06 pagi
19.5.1987	6.28 petang	4.39 pagi	6.06 pagi

Waktu-waktu berbuka puasa dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit manakala bagi Daerah Temburong hendaklah dikurangkan satu minit tiap-tiap waktu.